

1 April 2011 (Jumaat)

### Projek janakuasa elektrik RM70j

Oleh Ali Mahmood [utusanpahang@utusan.com.my](mailto:utusanpahang@utusan.com.my)



T. Puspanadan (dua dari kanan) bersama pegawai perikanan daerah Temerloh meninjau kawasan untuk membina Stesen Janakuasa Elektrik Kecil di Sungai Pahang, Temerloh, baru-baru ini.

TEMERLOH 1 April – Projek pembinaan Stesen Janakuasa Elektrik Kecil yang akan dilaksanakan tidak lama lagi di sini dengan membabitkan **kos RM70 juta** bakal memberi manfaat kepada penduduk sekitarnya. Ketua Pegawai Eksekutif JMT Tenaga Sdn. Bhd., Datuk T. Puspanadan berkata, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah meluluskan projek tersebut dengan pembinaan dalam lingkungan dua kilometer antara Pulau Temerloh dan Pulau Lebak di sini. Jelasnya, pembinaan itu tidak akan menjejaskan ternakan ikan di kawasan terbabit ataupun menyebabkan pencemaran sungai di kawasan sekitarnya. Katanya, selain itu janakuasa tersebut tidak menggunakan bahan kimia, petroleum, gas atau arang batu apabila siap kelak nanti. “Nelayan dan penternak ikan patin serta talapia di kawasan berkenaan tidak perlu bimbang kerana kerja membina projek tersebut tidak menyebabkan ikan sungai dan ikan sangkar musnah,” katanya kepada pemberita selepas meninjau kawasan berkenaan di Sungai Pahang di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, projek dikenali sebagai Program Tenaga Yang Diperbaharui Secara Terhad (Small Renewable Energy Program-SREP) menawarkan sumber tenaga elektrik alternatif yang tidak mencemarkan alam. Jelasnya, tenaga elektrik itu berdasarkan penjanaan hijau seperti mini hidro yang dapat mengurangkan pelepasan karbon dan tidak akan mengancam keselamatan penduduk. Katanya, selain dapat menangani masalah banjir, janakuasa itu akan menjadi pemangkin dan alternatif kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga elektrik yang dijangka berlaku pada 2015. “Projek itu berdasarkan konsep baru menggunakan air sungai (Run on River) adalah yang pertama diperkenalkan di negara ini dan tidak menggunakan tanah penduduk tetapi hanya menebus guna tanah sungai serta tanah kerajaan di hadapan pulau,” katanya.

2 April 2011 (Sabtu)

### RM108 bilion lesap setiap tahun

Oleh THOMAS CHONG [pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

PUTRAJAYA 2 April - Dianggarkan **RM108 bilion** yang sepatutnya menjadi pendapatan negara setiap tahun lesap manakala lebih RM10 bilion lagi dipindahkan secara haram ke luar negara. Kerugian itu dikesan hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas kegiatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa melibatkan pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di seluruh negara.

Pengarah Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Mustafar Ali berkata, angka kerugian itu dianggarkan akibat aktiviti pemindahan wang secara haram melalui beberapa cara termasuk taksiran kurang, transaksi tanpa rekod serta penyeludupan wang. "Akibat tindakan 'tangan-tangan kotor' ini, negara mengalami kerugian apabila hasil pendapatan lesap manakala wang rasuah yang diperolehi mereka dipindahkan secara haram ke luar negara. "Berikutan itu, SPRM mengadakan 'Operasi 3b' iaitu sasaran kita mengembalikan semula RM3 bilion hasil pendapatan negara yang lesap," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini. Mustafar berkata, hasil operasi itu, sebanyak 62 orang pegawai JKDM telah ditahan dan sejumlah RM602 juta wang dibekukan, selain RM382 juta disita manakala RM31.2 juta dilucut hak harta. "Kita siasat semua kes dan tangkapan ini di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Pengganas 2001 dan kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah melibatkan wang berjumlah RM1.2 bilion," katanya.

**2 April 2011 (Sabtu)**

### **Kawal pembangunan tanah sawah**

**Oleh JAMILIAH ABDULLAH [utusankedah@utusan.com.my](mailto:utusankedah@utusan.com.my)**

KUBANG PASU 2 April - Kerajaan Pas Kedah digesa mengkaji secara mendalam isu tanah sawah dibangunkan secara berleluasa dengan projek perumahan dan perindustrian di negeri ini. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Johari Baharom berkata, jika masalah itu terus berlaku tanpa kawalan maka ia menjelaskan pengeluaran padi negara termasuk sasaran mengurangkan import beras yang kini berjumlah 30 peratus menjelang 2020. "Kedah juga dikhuatiri kehilangan gelaran jelapang padi negara kerana banyak tanah sawah yang telah dibangunkan untuk projek perumahan dan perindustrian dan sehingga kini tiada ganti," katanya selepas merasmikan Majlis Penubuhan dan Mesyuarat Agung Pertama Koperasi Pesawah Kedah Berhad, di sini baru-baru ini. Beliau berkata, kementerian memandang serius perkara itu kerana pelbagai masalah boleh timbul pada masa hadapan kalau kawasan tanah sawah terus ditimbul untuk projek perumahan atau industri.

"Contohnya banyak sawah dalam kawasan Lembaga Rancangan Pertanian Muda (MADA) di negeri ini yang dibina projek pembangunan dan tidak diganti memandangkan penyediaan sistem pengairan menelan belanja mahal," katanya. Kata Mohd. Johari, sebagai contoh kos membina sistem pengairan untuk menampung keperluan pesawah di Lembah Bujang di Merbok mencecah hampir **RM100 juta**. Tegasnya, sepatutnya kerajaan negeri membuat kajian untuk mengawal dan mengatasi masalah tersebut untuk kepentingan pesawah dan pengeluaran padi negara. Menyentuh tentang penubuhan koperasi pesawah tersebut, katanya, kerajaan menggalakkan penubuhan koperasi berdasarkan pertanian terutama membabitkan generasi kedua petani di negeri ini bagi meningkatkan produktiviti mereka. "Terdapat peluang yang boleh diceburi koperasi terbabit berkaitan industri padi sekali gus meningkatkan pendapatan petani. "Misalnya koperasi ini boleh bekerjasama dengan petani dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk menguruskan sistem estet padi dalam meningkatkan pendapatan petani," katanya.

**4 April 2011 ( Isnin )**

### **Bekas pegawai miliki kemahiran**



**Dr. Ahmad Zahid Hamidi (dua dari kanan) merasmikan kolokium kewangan Kementerian Pertahanan di Kuala Lumpur, semalam.**

KUALA LUMPUR 4 April - Kementerian Pertahanan memberi keutamaan kepada bekas pegawai kanan tentera dalam pemberian tender adalah kerana mereka merupakan golongan profesional yang mampu melaksanakan kerja mereka. Menterinya, Datuk Seri Dr.

Ahmad Zahid Hamidi berkata, golongan itu mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam mengendalikan inventori dan aset kementerian. "Pemberian tender kementerian dengan memberi keutamaan kepada bekas pegawai kanan bukan satu kesalahan. "Mereka ini profesional dan mempunyai kepakaran teknikal. Sebab itu, kita beri mereka peluang dan itu lebih baik daripada kita beri kepada orang yang tidak mempunyai kepakaran, seterusnya tidak boleh melakukannya dengan baik," katanya kepada pemberita, di sini hari ini.

Belau diminta mengulas mengenai kenyataan **Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang** mengenai perkara tersebut semasa Minggu Kolokium Pengurusan Kewangan di kementerian berkenaan, di sini hari ini. **Ambrin memberi pandangan dan panduan tentang melaksanakan tatacara pengurusan kewangan yang baik termasuk meminta Kementerian Pertahanan mengamalkan sistem tender terbuka.** Beliau turut membantkitkan mengapa kebanyakan kontrak tender Kementerian Pertahanan diberi kepada bekas pegawai kanan tentera atau syarikat milik bekas pegawai tinggi tentera. "Setakat ini, kami masih mengamalkan tender terbuka dan tender tertutup hanya ditawarkan kepada syarikat yang membekalkan aset atau peralatan tertentu kursusnya dari segi peralatan persenjataan ekoran hanya syarikat itu sahaja yang boleh membekalkan peralatan berkenaan kepada kita," katanya.

Beliau berkata, sejak dalam penambahbaikan pengurusan kewangan Kementerian Pertahanan, pihaknya sedia memberi keutamaan dari segi aspek keperluan sebelum membuat sebarang perbelanjaan. "Kementerian akan menyusun semua program dan aktiviti mengikut keutamaan serta keperluan sebenar seperti mana sepanjang tahun lepas yang mana kementerian telah berusaha melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang menjurus ke arah kecekapan," katanya. – BERNAMA.

**6 April 2011 ( Rabu )**

### **Parlimen - Pendapatan CEO GLC lebih rendah**

KUALA LUMPUR 6 April - Pendapatan ketua pegawai eksekutif (CEO) di syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) secara keseluruhannya lebih rendah atau setara dengan gaji yang diterima oleh rakan sejawatan mereka dalam sektor swasta. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, jumlah pendapatan itu adalah setimpal dengan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh setiap CEO, iaitu memastikan GLC di bawah kepimpinan mereka muncul sebagai syarikat berprestasi tinggi. Sebagai contoh, kata beliau, julat pendapatan tahunan CEO Malayan Banking Bhd. (Maybank) adalah antara RM1.4 juta hingga RM4.9 juta berbanding CEO Public Bank Bhd. yang berjumlah RM4.7 juta hingga RM6.1 juta setahun.

Menurutnya, jumlah pendapatan mahupun pakej ganjaran yang diberikan kepada semua CEO dan kakitangan bagi setiap GLC adalah berdasarkan pengalaman, kepakaran serta prestasi ditunjukkan. "Jumlah ganjaran yang diberi adalah berpandukan kepada garis panduan di bawah Buku Biru yang bertujuan meningkatkan prestasi pengurusan yang diterbitkan oleh Jawatankuasa Putrajaya bagi prestasi tinggi GLC," katanya. Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata demikian dalam jawapan bertulis bagi menjawab soalan **Lim Lip Eng (DAP-Segambut)** mengenai jumlah pendapatan CEO GLC di Dewan Rakyat hari ini. Mengulas lanjut isu berkaitan, Najib berkata, bagi sektor utiliti dan industri tenaga, julat pendapatan CEO Tenaga Nasional Bhd. adalah sekitar RM0.8 juta hingga RM1.4 juta berbanding CEO YTL Corporation Bhd. (RM3.6-RM10.2 juta setahun). Bagi industri penerbangan pula jelas beliau, pendapatan tahunan CEO Malaysia Airlines System Bhd. (MAS) adalah antara RM0.9 juta hingga RM1.5 juta berbanding CEO AirAsia Bhd. yang menerima antara RM1 juta hingga RM6 juta. "Dalam industri automotif, pendapatan CEO Proton Holdings Bhd. adalah antara RM500,000 hingga RM1 juta berbanding pendapatan di Tan Chong Motor Holdings Bhd. yang berjumlah antara RM4.5 juta hingga RM4.95 juta," jelasnya.

### **7 April 2011 (Khamis)**

#### **214,790 peminjam tegar PTPTN**

**Oleh NAZMIL NASIRUDDIN**[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

PUTRAJAYA 7 April – Terdapat seramai 214,790 peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan nilai pinjaman sebanyak RM1.1 bilion yang belum memberikan maklum balas terhadap tindakan penguatkuasaan oleh tabung pendidikan negara itu. Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, jumlah tersebut berdasarkan prestasi kutipan balik pinjaman PTPTN setakat 28 Februari pada tahun ini. Setakat ini, katanya, PTPTN berjaya mengutip balik RM2.3 bilion daripada RM4.7 bilion secara keseluruhan daripada peminjam. "Seramai 673,205 atau 75.8 peratus daripada keseluruhan peminjam telah membuat bayaran balik dan ini membantu meningkatkan jumlah pembayar dan hasil kutipan. "Bagaimanapun, jumlah kutipan masih tidak menunjukkan peningkatan yang mendadak," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Perakuan Kredit ke atas Modul Pengurusan Kewangan Peribadi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), di sini hari ini. Mohamed Khaled berkata, sejak Januari lalu, rekod menunjukkan terdapat seramai 28,627 orang peminjam baru dengan jumlah pinjaman sebanyak RM7.03 juta. "Ini melibatkan pinjaman dalam kalangan pelajar baru yang menyambung pengajian di peringkat tinggi," katanya.

### **8 April 2011 (Jumaat)**

#### **Kerja awal MRT bermula November ini**

KUALA LUMPUR 8 April – Kerja-kerja awal projek Transit Aliran Massa (MRT) dijangka bermula November ini melibatkan bahagian selatan projek berkenaan di kawasan Cheras. Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Mohd. Nur Kamal berkata, ia melibatkan lima daripada 16 pakej dalam projek ini yang keseluruhannya meliputi jarak 60 kilometer. "Majlis pecah tanah pula akan diadakan Julai ini di tiga stesen iaitu Sungai Buloh, Semantan dan Cochrane," katanya pada majlis taklimat kepada media mengenai perkembangan projek MRT di sini semalam. Mohd. Nur berkata, sehingga kini, lebih 100 kontraktor telah mengemukakan tender untuk melaksanakan enam pakej awal pelaksanaan MRT. "Keputusannya pula akan diumumkan November ini dan hanya mereka yang layak sahaja akan diberi pertimbangan.

“Bagi memastikan kerja-kerja disiapkan mengikut masa dan kos, tindakan tegas akan diambil iaitu menamatkan tender terhadap kontraktor yang gagal menyempurnakan kerja seperti yang dipersetujui,” katanya. Mengenai impak ke atas alam sekitar seperti di kawasan Kajang, Dataran Sunway dan Taman Tun Dr. Ismail, Mohd. Nur berkata, sehingga kini pihaknya sentiasa mencari penyelesaian terbaik termasuk mengadakan beberapa pertemuan dengan penduduk di kawasan terlibat. Projek MRT yang bermula dari Sungai Buloh hingga Kajang dan mempunyai 35 stesen itu dijangka siap sepenuhnya pada 2016 dan bakal memberi manfaat kepada lebih 1.2 juta penduduk sekitar. Sementara itu, dalam kenyataan lain, SPAD memaklumkan bahawa pihaknya telah melanjutkan masa pameran awam MRT di Stesen LRT Bangsar kepada selama 12 jam, berbanding lapan jam sebelum ini.

“Disebabkan sokongan dan permintaan menggalakkan daripada orang ramai, pameran akan diadakan dari pukul 9 pagi hingga 9 malam, kecuali pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum,” kata kenyataan itu. Pameran awam MRT berlangsung selama tiga bulan, yang akan berakhir 14 Mei ini di Stesen LRT Bangsar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Jalan Raja Laut), Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Kajang dan di pejabat SPAD di Menara Dayabumi. Pameran awam ini bertujuan memberi peluang kepada orang ramai melihat cadangan laluan MRT dan mendapatkan maklum balas mereka yang boleh dilakukan menerusi borang di semua lokasi pameran atau menelefon talian tanpa tol 1-800-82-6868 atau melayari [www.kvmrt.com.my](http://www.kvmrt.com.my).

**13 April 2011 (Rabu)**

**Korporat - Khazanah terus ‘gegar’ GLC**

**Oleh NORLAILLI ABD. RAHMAN** [business.utusan@gmail.com](mailto:business.utusan@gmail.com)



**Azman Mokhtar**

KUALA LUMPUR 13 April – Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) akan terus menggegar syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) yang ‘tidak bergerak’ (stagnant) bagi mengekalkan unjuran pertumbuhannya dan peluasan perniagaan serantau. Pengarah Urusannya, Tan Sri Azman Mokhtar berkata, proses ‘menggegarkan’ syarikat-syarikat tersebut telah pun dilakukan. Tambah beliau, walaupun Khazanah aktif melakukan aktiviti pelaburan dan pelupusan tahun lalu, namun ia masih berada di peringkat ‘neutral’. Katanya, jumlah keseluruhan pelaburan sayap pelaburan kerajaan itu pada tahun lalu ialah RM6.5 bilion berbanding jumlah pelupusan sebanyak RM6.2 bilion. “Aliran aktif tersebut akan diteruskan tahun ini yang mana ia akan melibatkan pelupusan sebanyak RM6 bilion hingga RM7 bilion, tidak termasuk PLUS Expressways Bhd,” katanya.

Dalam tempoh tujuh tahun sehingga Disember 2010, Khazanah telah menyempurnakan 36 transaksi pelupusan utama dengan keseluruhan pulangan sebanyak RM24 bilion yang menjana hasil sejumlah RM11.6 bilion. Malah Azman turut membayangkan Khazanah akan melupuskan pegangan di dalam sektor tenaga. Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu Khazanah dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan yang lain melupuskan pegangan bukan teras dan aset bukan kompetitif masing-masing termasuk 26 bidang tanah kerajaan. Sekurang-kurangnya proses pelupusan 10 syarikat dijangka selesai menjelang akhir tahun. Tambahan pula, empat lot tanah kerajaan akan dijual, dengan hasil anggaran dikumpul lebih RM1 bilion.

Menyentuh mengenai sektor penjagaan kesihatan bersepadunya, Azman berkata, Khazanah merancang untuk menyenarai semula Integrated Healthcare Holdings (IHH) dalam tempoh satu hingga tahun lagi. IHH mempunyai hospital di Malaysia dan negara-negara Asia menerusi rangkaian hospital Pantai dan Parkway Holdings Ltd., yang berpangkalan di Singapura. "Kami belum memutuskan sama ada untuk menyenaraikan di sini (Malaysia) ataupun di Singapura, perlu diingat, kedua-dua syarikat terbabit (Pantai Holdings Bhd. dan Parkway Holdings Ltd.) pernah disenarai di negara masing-masing. "Malah, Khazanah juga tidak menolak untuk mengadakan penyenaraian berkembar," katanya.

### **13 April 2011 (Rabu)**

#### **Pembeli Pos Malaysia dikenalpasti**

KUALA LUMPUR 13 April - Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) mengumumkan telah mempunyai pembeli 32.2 peratus kepentingannya dalam Pos Malaysia Bhd. (Pos Malaysia), kata Pengarah Urusannya, Tan Sri Azman Mokhtar. " Kami sudah mempunyai pembida berpotensi, tetapi ia perlu di bawa ke mesyuarat lembaga pengarah dan biarlah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sendiri yang umumkan, " kata beliau dalam sidang media sempena Invest Malaysia 2011 di sini hari ini. Tambah beliau, Khazanah Nasional mempunyai 50 pembida berpotensi, bagaimanapun beliau enggan mendedahkan identiti mereka. Menurut Azman, pembida berkenaan menepati kriteria yang ditetapkan oleh Khazanah antaranya seperti harga yang bersesuaian serta meningkatkan nilai (unlock value) pemegang saham. "Khazanah perlu memastikan kepentingan awam terus dilindungi dan tidak akan berkompromi mengenainya, " kata beliau lagi.

Hujung bulan lalu, terdapat laporan yang mengatakan Khazanah sudah menyenarai pendek tiga syarikat tempatan yang berpotensi untuk memiliki kepentingan sayap pelaburan negara itu dalam Pos Malaysia. Tiga syarikat terbabit ialah DRB-HICOM, Nationwide Express Courier Services Bhd., dan usaha sama antara Amanah Reit dan Malaysia Pacific Corp. Mengenai Rang Undang-Undang Pos yang masih belum dibentangkan di Parlimen, Azman berkata: " saya harap ia akan dibentangkan pada sesi Parlimen akan datang." Bagaimanapun menurut beliau, pelbagai faktor telah diambil kira sebelum ia di bawa ke Parlimen, malah rundingan dengan pemain-pemain industri juga telah dilakukan. "Secara keseluruhan, tiada apa yang mengejutkan mengenai rang undang-undang itu nanti kerana pasaran sudah maklum mengenainya, " kata beliau. Rang undang-undang itu nanti dijangka menyentuh mengenai saham emas dan hak kerajaan dalam beberapa hartanah yang dimiliki Pos Malaysia ketika ini.

### **14 April 2011 (Khamis)**

#### **Ekonomi - Pelaburan RM110 juta ECER**

KUALA LUMPUR 14 April - Kerajaan akan melabur RM110 juta ke dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dalam usaha menjadikannya pusat industri herba Malaysia menerusi pembangunan empat buah ladang herba. Projek itu dijangka menjana Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak AS\$1.016 bilion (RM3.341 bilion) dan mewujudkan 2,500 peluang pekerjaan baharu serta 530 pekebun kontrak. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, pelaksanaan taman-taman herba itu akan mengukuhkan kedudukan ECER sebagai pusat kecemerlangan industri yang mampan dan berdaya maju dalam industri herba. "Saya mengambil kesempatan ini menyeru para penggiat industri, yang mempunyai kepentingan utama dalam industri herba menerokai peluang-peluang dan mengambil bahagian di dalam pembangunan kelompok herba dan bioteknologi di ECER.

"Para penggiat industri juga boleh memanfaatkan Taman Halal ECER di Pahang dan Kelantan, untuk menghasilkan produk herba yang mempunyai pensijilan halal bagi pasaran global," katanya. Beliau berkata demikian selepas merasmikan simposium Peluang-peluang Pelaburan dan Perniagaan di dalam Industri Herba di ECER anjuran Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Malaysian Biotechnology Corp. (BiotechCorp). Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Datuk Jebasingam Issace John berkata, pembangunan industri herba di ECER mengambil pendekatan bersepada, di mana ia akan mengambil kira keseluruhan rantaian nilai. Katanya, ini akan membantu mempercepatkan pembangunan industri herba dan bioteknologi di ECER, menggalakkan pertumbuhan ekonomi di kawasan luar bandar, meningkatkan peluang pekerjaan dan keusahawanan. "Para pekebun kontrak dalam projek ini dijangka menerima pendapatan bulanan antara RM5,000 hingga RM6,000," katanya.

Fasa satu projek Kelompok Herba ECER akan melibatkan pembangunan Ladang Herba di Pasir Raja, Dungun dan Chegar Perah, Lipis dengan masing-masing seluas 406 hektar dan 327 hektar. Manakala fasa dua projek merangkumi pembangunan Ladang Herba di Durian Mentangau, Dungun dan Rantau Manis, Gua Musang seluas 151 hektar dan 323 hektar. Perladangan herba bernilai tinggi bakal menjamin kesediaan bahan mentah seiring, dengan hala tuju Malaysia dalam menjadi peneraju pengeluaran *nutraceuticals* dan ubatan botani bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Jebasingam berkata, wilayah tersebut akan memberi fokus terhadap produk-produk farmasi, nutrisi dan bioteknologi bernilai tinggi yang dihasilkan untuk pasaran eksport. Katanya, dalam pembangunan taman-taman herba di ECER, ECERDC telah mengenalpasti 10 herba berpotensi tinggi untuk dibangunkan dan pasaran yang sangat besar, terutama dalam bidang *nutraceuticals* dan *phytomedicine*. "Herba-herba tersebut adalah dukung anak, hempedu bumi, misai kucing, kacip fatimah, tongkat ali, roselle, noni, lemon myrtle dan gaharu," tambahnya.

**17 April 2011(Ahad)**

### **RM25 j bina kuarters baru kastam**

**Oleh Abdul Rashid Abdul Rahman** [utusansabah@utusan.com.my](mailto:utusansabah@utusan.com.my)



**Donald Lim Siang Chai melihat keretakan bangunan Kompleks perumahan Kastam yang akan dirobohkan tidak lama lagi di Sepanggar dekat Kota Kinabalu, baru-baru ini**

KOTA KINABALU 17 April - Kerajaan akan membina semula 10 blok bangunan kuarters Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah di Kompleks Perumahan Kastam Kota Kinabalu yang sudah tidak selamat untuk didiami. Timbalan Menteri Kewangan, Senator Datuk Ir. Donald Lim

Siang Chai berkata, pada masa ini pihaknya telah menghantar kertas cadangan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk tindakan lanjut. "Keputusan ini dibuat selepas mengambil kira pandangan Jabatan Kerja Raya (JKR) yang menyatakan bangunan yang mempunyai 240 unit rumah ini sudah tidak selamat dan perlu dirobohkan. "Jadi kita meminta kebenaran EPU untuk mendapatkan **peruntukan sebanyak RM25 juta** bagi membina bangunan baru," katanya pada sidang akhbar selepas melakukan lawatan kerja di kompleks perumahan kastam di Sepanggar dekat sini kelmarin. Turut hadir Timbalan Pengarah JKDM Sabah, Janatan Kanduk. Menurut Siang Chai pembinaan semula bangunan tersebut amat penting demi keselesaan dan keselamatan anggota dan pegawai kastam. Katanya, bangunan yang mula diduduki pada 1989 itu telah mengalami banyak kerosakan dan tidak dapat dibaiki dengan sempurna.

"Kita telah menghabiskan kira-kira 17.3 juta untuk membaiki bangunan ini sebanyak empat kali tetapi kerosakan masih lagi berlaku," katanya. Sementara itu beliau berkata, pihaknya menyasarkan kutipan hasil JKDM Sabah pada tahun ini meningkat kepada RM359 juta berbanding RM349 juta pada tahun lalu.

**18 April 2011 (Isnin)**

### **Cukai tanah UUM 10 kali ganda**

**Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN pengarang@utusan.com.my**



**Mohamed Khaled Nordin (tengah) berbincang sesuatu dengan beberapa Ahli Parliment pada Majlis Pelancaran Program Khas Pascasiswazah Untuk Ahli Parliment di Hotel Marriot, Putrajaya, semalam.**

**PUTRAJAYA** 18 April – Tindakan kerajaan negeri Pas Kedah menaikkan cukai tanah Universiti Utara Malaysia

(UUM) sehingga 10 kali ganda sejak mengambil alih tumpuk pemerintahan negeri amat dikesali kerana universiti itu kini terpaksa membayar **RM1.8 juta** setahun berbanding RM150,000 sebelum ini. Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kerajaan negeri itu juga gagal menyediakan bekalan air mencukupi sehingga memaksa pihak pengurusan UUM membayar antara RM80,000 sehingga RM90,000 sebulan bagi kos lori mengangkut air ke universiti tersebut. Menurutnya, ini jelas menunjukkan sikap kerajaan negeri yang tidak serius dalam menjayakan sektor pengajian tinggi negara bagi memenuhi keperluan melahirkan modal insan berpengetahuan tinggi. "Kita harap kerajaan negeri Kedah tidak mengenakan cukai terlampau tinggi kerana wang itu sepatutnya boleh digunakan untuk tujuan penyelidikan dan penerbitan.

"Kerajaan negeri sebaliknya cuba mendapatkan keuntungan daripada sebuah institusi pengajian tinggi sedangkan mereka sepatutnya faham bahawa UUM adalah sebuah pusat akademik yang berfungsi untuk melahirkan modal insan. "Di Selangor, kerajaan negeri tolak Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan di Kedah isu bekalan air dan cukai tanah pula," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program pascasiswazah untuk ahli Parliment, di sini hari ini. Hadir sama Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak. Mohamed Khaled menambah, kerajaan negeri Kedah hanya tahu mempersoalkan tindakan Kerajaan Pusat menaikkan harga gula dalam ceramah politiknya sedangkan mereka sendiri menaikkan cukai tanah pada kadar cukup tinggi. Sementara itu, Dr. Mohamed Mustafa berkata, beliau telah menemui Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak awal tahun ini untuk berbincang mengenai isu air dan merayu agar kadar cukai tanah dikurangkan.

**18 April 2011 (Isnin)**

### **MB nafi naikkan cukai tanah UUM 10 kali ganda**

**ALOR SETAR** 18 April - Kerajaan Pas Kedah menafikan cukai tanah kawasan Universiti Utara Malaysia (UUM) dinaikkan sehingga mencecah **lebih RM1 juta setahun**. Sebaliknya, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak menjelaskan, jumlah tersebut perlu dibayar oleh UUM mengikut perjanjian pada 2006 kerana tempoh rebat cukai tanah bagi tempoh 2006 hingga 2008 telah tamat. "UUM diberi rebat cukai tanah selepas pengurusan universiti itu mengemukakan rayuan bagi mengurangkan cukai tanah dan mendapat persetujuan kerajaan negeri ketika itu, dengan memberi rebat bagi tempoh dua tahun.

"Rebat tamat tempoh pada 2008, sebab itu cukai tanah yang dibayar sebelum ini RM100,000 berbanding terkini lebih RM1 juta," katanya selepas perhimpunan bulanan di Wisma Darul Aman di sini hari ini. Azizan mengulas kenyataan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Mukhriz Mahathir baru-baru ini yang mendakwa kerajaan negeri menaikkan cukai tanah di UUM sehingga 10 kali ganda, berbanding ketika negeri ini ditadbir kerajaan Barisan Nasional (BN). Mukhriz mendakwa, tindakan itu tidak wajar dan membebankan pengurusan UUM kerana sebelum ini cukai tanah yang dikenakan sekitar RM100,000 setahun. Azizan berkata, setelah rebat berakhir, bermula tahun 2009, bayaran cukai tanah yang perlu dijelaskan ialah lebih RM1 juta. "Saya harap penjelasan ini membuktikan kerajaan negeri bukan naikkan cukai tanah, cukai asal lebih RM1 juta setelah diberi rebat, UUM bayar RM100,000 sahaja. Apabila perjanjian berakhir, kenalah bayar penuh. "Ini amalan biasa dalam urus tadbir, bila ada pihak minta bantuan, kita beri atas dasar timbang rasa," katanya. Beliau bagaimanapun tidak menyalahkan Mukhriz kerana kemungkinan Ahli Parlimen Jerlun itu tidak mendapat maklumat tepat. Mengenai masalah bekalan air yang sekian lama dialami warga UUM, Azizan berkata, ia perlu diselesaikan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi. "Saya pernah bangkitkan isu ini supaya pengurusan UUM kemukakan cadangan kepada kementerian untuk naik taraf infrastruktur bekalan air, tetapi saya tak nampak pun hasilnya," katanya.

**18 April 2011 (Isnin)**

**Parlimen -Dua syarat mudah sertai polis**

**Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA pengarang@utusan.com.my**

KUALA LUMPUR 18 April – Suruhanjaya Pasukan Polis meluluskan dua kelonggaran syarat Skim Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menarik lebih ramai bekas tentera memohon menyertai pasukan keselamatan itu. Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, kelonggaran itu meliputi syarat tempoh percubaan yang dipendekkan kepada tiga bulan daripada enam bulan bagi bekas tentera yang menyertai PDRM. "Turut dilonggarkan syarat kenaikan pangkat koperal polis bagi konstabel polis (regular dan sokongan) yang bersara pada pangkat sarjan dan ke atas semasa dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) setelah lulus peperiksaan khas undang-undang rendah jabatan," katanya. Beliau menjawab pertanyaan Senator Ahamat Yusop mengenai rasional cadangan penyerapan pesara tentera ke dalam pasukan polis dan bagaimana prosedur dan pendekatan penyerapan itu akan dilaksanakan pada sidang Dewan Negara di sini, hari ini. Hishammuddin berkata, sejak pengambilan fasa pertama dilaksanakan Januari lalu, seramai 101 bekas tentera diambil dan dilantik sebagai konstabel dan konstabel sokongan dan mereka kini menjalani latihan asas kepolisan di Pusat Latihan Polis, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Sementara itu, dalam sidang akhbarnya, beliau menyeru syarikat milik kerajaan (GLC) dan syarikat swasta terlibat secara bersama dalam memastikan kebijakan anggota polis terbela. "Kebijakan anggota polis bukan sahaja tanggungjawab kerajaan malah turut memerlukan peranan GLC dan syarikat swasta," katanya.

**19 April 2011 (Selasa)**

### **7 projek baharu ETP dilancar**

PUTRAJAYA 19 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan tujuh projek baharu dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) sebagai usaha untuk memperkuatkannya lagi aliran kemasukan pelaburan ke negara ini. Beliau berkata, dengan pelancaran tujuh projek baharu itu bersama lima projek yang telah dilancarkan sebelum ini, ia dijangka menjana pelaburan sebanyak RM11.16 bilion serta Pendapatan Kasar Negara (PNK) sebanyak RM16.62 bilion selain mewujudkan 74,457 pekerjaan tambahan. "Sebanyak 72 projek dalam 54 Projek Permulaan (EPP) diumumkan sehingga kini, yang bermakna 41.2 peratus daripada 131 EPP telah dimulakan, semuanya dalam tempoh kurang enam bulan sejak ETP dilancarkan. "Secara terkumpul, kesemua projek ini dijangka menjana pelaburan berjumlah RM106.405 bilion serta RM153.83 bilion dalam PNK dan 298,865 pekerjaan baharu," katanya ketika mengumumkan projek pelaburan ETP yang terkini, di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed. Tujuh projek baharu itu adalah penubuhan hab pembuatan perkakasan rumah elektrik dan rangkaian pengedaran antarabangsa, membina infrastruktur Pengenalan Frekuensi Radio (RFID) bagi meningkatkan kecekapan pelepasan kontena, siaran digital multimedia bumi dan kajian atas perkhidmatan e-Kaunter. Selain itu, ia turut membabitkan projek e-mel 1Malaysia, mewujudkan kelompok kewangan dan pentadbiran perbankan Islam dan membangunkan pasar komuniti. Dalam ucapan sama, Najib menyifatkan kesediaan golongan korporat yang tampil secara sukarela menandatangani ikrar Kewibawaan Korporat dan Prinsip-prinsip Anti-Rasuah Korporat sebagai usaha meningkatkan tahap integriti dalam bidang perniagaan pada masa depan. "Usaha mengurangkan amalan rasuah di alam perniagaan amat diperlukan untuk meningkatkan keupayaan Malaysia menarik minat pelabur. Ia merupakan salah satu unsur ETP yang terpenting memandangkan Malaysia kini berada di persimpangan pembangunan ekonomi," katanya.

**19 April 2011 (Selasa)**

### **Najib: ETP raih pelaburan berjumlah RM106.4 bilion**

PUTRAJAYA 19 April - Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan tujuh projek baru hari ini untuk terus mengukuhkan minat berterusan pelabur dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP), yang sehingga kini menjana pelaburan berjumlah RM106.405 bilion, RM153.83 bilion dalam Pendapatan Negara Kasar (PNK) dan 298,865 pekerjaan baru. Sebanyak 72 projek dalam 54 Projek Permulaan (EPP) diumumkan sehingga kini, yang bermakna 41.2 peratus daripada 131 EPP telah dimulakan, semuanya dalam tempoh kurang enam bulan sejak ETP dilancarkan. "Sekarang ini, hasil besar yang pantas," kata beliau semasa mengumumkan projek pelaburan terkini. Hadir sama ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamad dan Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU Datuk Seri Idris Jala. Antara projek terkini ialah Infineon Technologies akan melabur RM480 juta untuk memperluaskan dan menaik taraf kapasiti pengeluarannya, kemudahan pembuatan serta penyelidikan dan pembangunan di Melaka. Penubuhan hab pembuatan perkakasan rumah elektrik Pensonic Holdings Sdn. Bhd. dan rangkaian pengedaran antarabangsa di Pulau Pinang, akan melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM250 juta. – Bernama.

**19 April 2011 (Selasa)**

### **UUM kecewa rayuan tak dilayan**

**Oleh SAHBULAH DARWI [utusankedah@utusan.com.my](mailto:utusankedah@utusan.com.my)**

ALOR SETAR 19 April – Universiti Utara Malaysia (UUM) sudah lima kali mengemukakan rayuan supaya cukai tanah universiti itu dikurangkan selepas tempoh rebat tamat, dalam tempoh dua tahun lepas, namun tidak pernah dilayan oleh Kerajaan Pas Kedah. Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, rayuan itu dikemukakan dua kali pada 2009 dan tiga kali pada tahun lepas. “UUM telah merayu melalui surat yang dihantar kepada Pengarah Tanah dan Galian Kedah pada 29 April 2009 dan sekali lagi rayuan dihantar terus kepada Menteri Besar Kedah pada 10 Jun 2009, tetapi dukacita rayuan tersebut tidak dilayan. “UUM sekali lagi mengemukakan rayuan kepada Menteri Besar Kedah pada 25 Julai 2010 dan juga kepada Pentadbir Tanah Kubang Pasu pada 19 September 2010 dan 22 Disember 2010, namun rayuan UUM masih tidak dilayan,” katanya.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak hari ini bahawa kerajaan negeri bersedia menimbang permohonan untuk mengurangkan cukai tanah UUM yang bernilai RM1.74 juta setahun jika universiti itu sekali lagi memohon agar rebat cukai itu diteruskan. Azizan berkata, kerajaan negeri juga memberi kelonggaran kepada UUM untuk membayar cukai itu secara ansuran agar ia tidak membebankan universiti itu. Mohamed Mustafa berkata, beliau sendiri pernah bertemu dengan Azizan di pejabatnya pada 25 Julai 2010 untuk merayu supaya kerajaan negeri memberi pertimbangan itu, namun masih gagal. “UUM terpaksa mengeluarkan peruntukan besar bagi membayar cukai tanah apabila kerajaan negeri sekarang tidak mempertimbangkan permohonan rayuan mengurangkan cukai tanah itu,” jelasnya.

Menurutnya, UUM hanya membayar RM100,000 di bawah kerajaan negeri sebelum ini bermula 2006 hingga 2008, tetapi mulai 2009 universiti itu terpaksa membayar sehingga RM1,744,357 untuk bayaran cukai tanah. Katanya, UUM bukan sebuah agensi yang mementingkan keuntungan dan ia juga memperuntukkan bajet yang besar daripada peruntukan Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pengajian Tinggi untuk menampung keperluan pengajian tinggi negara. “Perbelanjaan ini sudah tentu memberi limpahan ekonomi kepada Kedah. Sepatutnya Kerajaan Pas Kedah menghargai usaha ini dan membantu mengurangkan beban kewangan yang ditanggung UUM melalui pengurangan cukai tanah yang boleh disalurkan kepada aktiviti penyelidikan dan penerbitan universiti ini,” jelasnya.

**21 April 2011 (Khamis)**

### **Keperluan beli hoverkraf dipertimbang**

KUALA LUMPUR 21 April - Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) akan mempertimbang keperluan membeli hoverkraf yang mempunyai beberapa kelebihan berbanding kapal atau bot dalam usaha melengkapkan lagi kekuatan pasukan berkenaan. Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar berkata, pihaknya setakat ini belum mempunyai perancangan untuk membeli kenderaan itu. "Kami sedar kepentingan untuk memiliki hoverkraf, buat masa ini belum ada perancangan (membelinya), tetapi TLDM sedia mengkaji untuk membelinya pada masa akan datang," katanya pada sesi wawancara khas sempena Sambutan Hari Ulang Tahun TLDM Ke-77 di sini hari ini. Sambutan itu akan diadakan pada 27 April ini di Pangkalan TLDM Lumut, Perak. Sementara itu Abdul Aziz berkata, kapal selam jenis Agosta yang digunakan sebagai latihan oleh TLDM di Perancis akan dibawa pulang dan dijangka tiba ke tanah air pada Ogos depan.

Menurutnya, kapal selam itu tidak sesuai digunakan bagi tujuan operasi dan akan dipamerkan di muzium. Kapal selam Agosta merupakan sebahagian daripada kontrak pembelian dua buah kapal selam pertama negara jenis Scorpene iaitu KD Tunku Abdul Rahman dan KD Tun Abdul Razak dari Perancis yang dimeterai pada 2002.

## 22 April 2011 (Jumaat)

### RM73 bilion bakal masuki Iskandar

Oleh NOR AZAN FITRI AHMAD HIDZIR pengarang@utusan.com.my

JOHOR BAHRU 22 April - Pihak Berkasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) menjangka kemasukan pelaburan berjumlah RM73 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang dengan menjadikan sektor pembuatan dan harta tanah sebagai penyumbang utama. Ketua Pegawai Eksekutif IRDA, Ismail Ibrahim berkata, sasaran itu bertujuan memastikan pihaknya mencatatkan pertumbuhan lapan peratus setahun melebihi dua peratus berbanding unjuran kerajaan. "Kedua-dua sektor tersebut merupakan antara penyumbang utama kepada pertumbuhan Iskandar Malaysia dan sentiasa mendapat perhatian daripada pelabur dari dalam dan luar negara. "Melalui sasaran yang ditetapkan, Iskandar Malaysia dijangka mampu meraih pelaburan sebanyak RM13 bilion dalam tempoh setahun," katanya selepas melancarkan Hari Terbuka Iskandar Malaysia ke-5 (IMOD 2011) di Plaza City Square di sini hari ini.

IMOD 2011 merupakan program berkala yang diadakan antara dua hingga tiga kali setahun selama tiga hari bermula hari ini hingga Ahad yang bertujuan menyampaikan maklumat tentang perkembangan di kawasan Iskandar Malaysia. Ismail berkata, IMOD 2011 edisi kelima itu antara lain bertujuan melihat maklum balas daripada orang ramai terhadap usaha yang sedang dijalankan di dalam wilayah pembangunan itu dan bagi menambah baik kemudahan sedia ada. Beliau berkata, program itu turut mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Iskandar Investment Bhd. (IIB), Pusat Pelaburan Negeri Johor (JCIS) dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP).

## 22 April 2011 (Jumaat)

### 30 sekolah kluster diumum

#### INFO 30 SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN

- |  |   |  |
|--|---|--|
| ■ Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Integrasi, Gopeng    | ■ SMK Convent Green Lane, Pulau Pinang              | ■ SK Seri Ampang, Perak                                      |
| ■ Sekolah Menengah Sains (SMS) Sabah                 | ■ Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Kean Hwa, Kedah | ■ SK Seri Wakaf Bharu, Kelantan                              |
| ■ SBP Integrasi Sabak Bernam, Selangor               | ■ Sekolah Agama Menengah Bestari, Selangor          | ■ SK Paya Rumput, Melaka                                     |
| ■ Sekolah Menengah Agama (SMA) Persekutuan, Labu     | ■ SMK Ismail Petra, Kelantan                        | ■ SK St. Anne, Labuan  |
| ■ SMS Johor  | ■ SMK Dato' Penggawa Barat, Johor                   | ■ SK Taman Megah, Selangor                                   |
| ■ SMS Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan                 | ■ SMK Seri Pekan, Pahang                            | ■ SK Tengku Mahmud, Terengganu                               |
| ■ SBP Integrasi Jempol                               | ■ SMK Seri Kuantan, Pahang                          | ■ Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Jalan Davidson, Kuala Lumpur |
| ■ Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent, Taiping | ■ SMK Seri Bintang Utara, Kuala Lumpur              | ■ Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Pamol, Johor         |
| ■ SMK Infant Jesus Convent, Melaka                   | ■ SMK Agama Lat, Kelantan                           | ■ SK Perancangan Ranau, Sabah                                |
|  | ■ Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru               | ■ SK Mantob, Sabah   |
|  | ■ Sekolah Kebangsaan (SK) Agama Miri                |  |

PUTRAJAYA 22 April - Kementerian Pelajaran hari ini mengumumkan senarai 30 Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) kumpulan keempat yang terdiri daripada pelbagai kategori sekolah. Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Abd. Ghafar Mahmud berkata, pada masa ini terdapat 124 SKK yang terletak di seluruh negara. "Sebanyak 26 sekolah yang sebelum ini dipilih sebagai SKK telah diangkat ke tahap lebih tinggi iaitu Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT).

"Saya berharap 300 sekolah kluster akan diiktiraf menjelang 2015, seperti yang diputuskan dalam kajian semula Pelan Induk Pembangunan Pendidikan," katanya pada majlis pengiktirafan SKK, di sini hari ini.

## 23 April 2011 (Sabtu)

### Kontraktor perlu patuhi tiga ciri penting - Najib

PEKAN 23 April – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kontraktor di negara ini perlu mematuhi tiga ciri penting dalam usaha memastikan setiap projek pembangunan terutamanya untuk kesejahteraan rakyat dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Perdana Menteri berkata, tiga ciri penting itu ialah berkaitan kualiti kerja, pelaksanaan projek mengikut jadual dan mematuhi bajet yang ditetapkan. "Berdasarkan tiga kriteria ini, mereka mesti menguruskan projek dengan sebaik mungkin, saya sarankan pentingnya keilmuan dan kemahiran (dalam) menguruskan projek daripada (peringkat) mula.

"Mereka juga perlu menetapkan harga menguruskan projek, misalnya daripada bahan binaan dan kerja dan dari segi pemantauan dan sebagainya dalam menambahkan lagi kecekapan menguruskan projek," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia cawangan Pahang, di sini, hari ini. Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed. Mengulas mengenai projek-projek terbengkalai, Najib berkata, perkara itu mungkin disebabkan faktor-faktor luar kawalan kontraktor terbabit. "Kita nak tengok berdasarkan ketiga-tiga (ciri) ini, (tetapi) ada kalanya disebabkan faktor di luar kawalan kita misalnya dua tahun dulu harga bahan binaan naik mendadak, saya tak salahkan kontraktor dalam keadaan luar biasa, tapi saya sebut ini, dalam keadaan tidak ada faktor luar biasa, kita mesti tambah kemampuan dan kecekapan kita dalam menguruskan projek," katanya. - Bernama

## 26 April 2011 (Selasa)

### UiTM Kampus Bandaraya diarah bina tembok batu



Gan Tian Loo (kiri) bersama seorang pengawal keselamatan melihat keadaan pagar yang mudah dibolosi penceroboh di asrama Kolej Siswi Tun Mutahir UiTM Bandaraya, semalam.

MELAKA 26 April \_ Kerajaan negeri mengarahkan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Bandaraya merobohkan pagar dawai di bahagian belakang asrama Kolej Siswi Tun Mutahir UiTM di sini dan digantikan dengan tembok batu. Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Belia dan Sukan negeri, Datuk Gan Tian Loo berkata, tindakan itu perlu diambil segera bagi memastikan kejadian asrama wanita di situ diceroboh oleh seorang lelaki tidak berulang. Menurutnya, pemeriksaan pihaknya di sekitar kawasan kediaman pelajar itu mendapat pagar dawai yang sedia ada tidak selamat dan mudah diceroboh. "Pagar itu juga tidak tinggi dan mudah bagi penceroboh masuk. Keadaan kawasan persekitaran asrama juga sunyi dari pandangan masyarakat kerana pada bahagian belakangnya tidak ada rumah kediaman lain," katanya kepada pemberita selepas melawat sekitar asrama Kolej Siswi Tun Mutahir UiTM, di sini hari ini. Menurut beliau, pihaknya mengadakan pemeriksaan di asrama wanita terbabit ekoran kejadian yang menimpa salah seorang pelajar wanita di situ yang dirogol dan disamun oleh seorang lelaki berusia 22 tahun minggu lalu. Bagaimanapun, lelaki terbabit dijatuhi hukuman penjara 30 tahun dan 16 sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Kata Tian Loo, kerajaan negeri juga meminta pihak pentadbiran asrama menambah lagi jumlah pengawal keselamatan di samping menyediakan loceng kecemasan jika berlaku kejadian jenayah di sekitar kawasan asrama. Menurutnya, selain tumpuan keselamatan di asrama Kolej Tun Mutahir, pihaknya juga akan memantau perkembangan yang sama di semua asrama kediaman pelajar di negeri ini. Sementara itu, seorang pelajar asrama Tun Mutahir yang hanya mahu dikenali sebagai Ika, 22, berkata, selepas kejadian itu, dia dan rakan yang lain turut trauma. "Kejadian yang berlaku tetap berlaku, jadi sebagai pencegahan kami hanya mampu memastikan semua pintu sentiasa dikunci rapat," katanya.

## **26 April 2011 (Selasa)**

### **RM500j pinjaman latihan kemahiran belum dibayar**

PUTRAJAYA 26 April — Sejumlah **RM518.5 juta daripada RM1.1 bilion pinjaman latihan** kemahiran yang dikeluarkan bagi golongan lepasan sekolah sejak 2002 masih belum dibayar balik, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam. Beliau berkata, ia melibatkan 64,456 peminjam, iaitu 43 peratus daripada peminjam keseluruhan seramai 149,655 orang. Justeru katanya, kerajaan tidak menolak untuk mengambil tindakan undang-undang dan menyenarai hitam mereka melalui Credit Tip Off Service Sdn Bhd (CTOS) dan Central Credit Reference Information System (CCRIS) sebagai usaha mendapatkan semula wang pinjaman tersebut. "Ini adalah satu peringatan kepada mereka yang mendapat pinjaman ini, tabung ini diwujudkan sebagai tabung pusingan. Kalau mereka membayar balik, itu akan membantu orang lain dan membantu mereka juga dalam satu keadaan yang lain di mana mereka memerlukan bantuan. "Jadi saya berharap mereka yang menggunakan bantuan daripada kerajaan boleh membayar balik selepas mereka kerja," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Pinjaman Latihan Kemahiran Kepada Pekerja di kementerian itu di sini hari ini. — Bernama

## **27 April 2011 (Rabu)**

### **MMC-Gamuda rancang bangun pusat latihan pembinaan**

TASEK GELUGOR 27 April — MMC-Gamuda Joint Venture Sdn. Bhd. (MMC-Gamuda JV) syarikat pengendali Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE), Ipoh-Padang Besar, akan membina Pusat Latihan Pembinaan MMC-Gamuda, yang menyediakan latihan berkaitan kemahiran membina terowong besar, khusus bagi pekerja projek Transit Aliran Massa Lembah Klang (MRT), tidak lama lagi. Pengarah MMC-Gamuda JV, Datuk Ng Kee Leen berkata, pusat latihan itu nanti menyediakan sehingga 4,000 tempat setahun, bagi para pekerja di tapak projek yang ingin mengikuti kursus berkenaan secara intensif. "Sasaran adalah untuk melahirkan ramai pekerja di tapak projek yang berkemahiran dan cekap agar setanding dengan negara lain khususnya dalam bidang pembinaan terowong besar dan kerja-kerja pembinaan berat," katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyampaian sijil penghargaan oleh Pengurus Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) oleh Datuk Ir. Hamzah Hasan kepada 61 penyelia tapak bagi projek PLBE di sini hari ini.

**27 April 2011 (Rabu)**

### **Rebat cukai tanah UUM, Pas Kedah tunggu PTG**

ALOR SETAR 27 April - Kerajaan Pas Kedah belum membuat sebarang keputusan berhubung rayuan kali keenam Universiti Utara Malaysia (UUM) yang memohon menyambung semula pemberian rebat cukai tanah di kampus berkenaan. Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak berkata, pihaknya telah menyerahkan perkara tersebut kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Kedah termasuk mengadakan kajian berhubung permohonan tersebut. "Pejabat saya sudah menerima surat permohonan itu minggu lepas namun kita belum membuat apa-apa keputusan lagi. "Ini kerana perkara tersebut perlu dirujuk kepada PTG terlebih dahulu untuk membuat kajian dan penilaian seterusnya menentukan adakah wajar permohonan rebat cukai tanah itu disambung atau tidak," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini hari ini. Menurut Azizan, rayuan berkenaan harus diteliti memandangkan UUM memohon agar diberikan rebat cukai tanah untuk tempoh lima tahun. "Kali ini mereka minta lima tahun bukan dua tahun iaitu lebih panjang, kira minta nasi tambah lebih banyak daripada nasi asal. "Tengoklah macam mana nanti bila PTG sudah buat kajian kita akan bawa ke mesyuarat Exco dan putuskan," katanya.

Kerajaan Pas Kedah sebelum ini membuat kenyataan akan menimbang untuk mengurangkan cukai tanah UUM yang kini berjumlah RM1.74 juta setahun jika universiti itu memohon agar rebat cukai berkenaan diteruskan. Sehubungan itu, UUM menghantar rayuan permohonannya buat kali keenam pada 19 April setelah lima rayuannya sebelum ini ditolak. UUM sebelum ini pernah membuat lima kali rayuan berhubung lanjutan rebat itu masing-masing sebanyak dua kali pada tahun 2009 dan tiga kali pada 2010, namun rayuan tersebut tidak dilayan. Permohonan itu meminta kerajaan negeri mempertimbangkan agar cukai tanah RM100,000 setahun yang berakhir pada 2008 dilanjutkan lagi. Sementara itu, Pengarah PTG Kedah, Datuk Mohd. Nor Rafie yang dihubungi memberitahu, pihaknya dalam proses menilai dan meneliti permohonan tersebut secara terperinci sebelum memberi sebarang pandangan wajar kepada kerajaan negeri. "Kita akan nilai dan teliti perkara ini dengan baik sebelum dikemukakan kepada kerajaan negeri," katanya.

**28 April 2011 (Rabu)**

### **Kecekapan SPRM elak negara rugi RM890 juta**

KUALA LUMPUR 28 April - Kecekapan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membanteras gejala rasuah berjaya mengelakkan negara mengalami kerugian kira-kira **RM890 juta setahun** melalui empat tumpuan kesalahan rasuah. Menurut Laporan Tahunan 2010 SPRM, kerugian terbesar adalah menerusi perlombongan haram pasir melibatkan anggaran kerugian berjumlah RM745 juta setahun. Ia diikuti tumpuan kesalahan rasuah melibatkan kebocoran pintu masuk negara yang mana kerajaan dianggarkan boleh mengalami kerugian RM86.4 juta setahun. Laporan sama menyebut, kerugian bagi kes melibatkan penyelewengan subsidi diesel pula adalah sebanyak purata RM50 juta setahun manakala pembalakan haram (RM8.95 juta). "Dalam isu pasir, nilai suapan terlibat berjumlah RM321,528.40 selain enam orang ditangkap kerana rasuah seks. "Berdasarkan anggaran 3,000 lori mengangkut pasir selama setahun, kerugian boleh mencecah sehingga hampir RM600 juta. Kerugian ditanggung akibat penyeludupan ke negara jiran pula sekitar RM145 juta setahun. "Anggaran ini hanya mengambil kira pasir yang diangkut menggunakan kapal berkapasiti 4,000 tan hingga 5,000 tan sebanyak dua kali sehari," kata laporan itu.

Laporan tersebut diserahkan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Abu Kassim Mohamed kepada Pengerusi Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), Datuk Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad di bangunan Parlimen, di sini hari ini. Mengenai kebocoran pintu masuk negara, risikan SPRM di Selangor mendapati kira-kira 35 peratus daripada 1,000 hingga 1,500 pendatang asing tanpa izin (PATI) yang masuk ke Malaysia setiap hari, membayar antara RM70 dan RM100 bagi mengelak prosedur pemeriksaan Imigresen. "Sogokan kepada penguat kuasa di Jeti Penumpang Pulau Ketam pula mencecah RM60,000 sebulan.

"Perkara ini membawa kesan buruk kerana Kementerian Dalam Negeri menganggarkan perbelanjaan kira-kira RM171 juta untuk pengurusan tahanan dan pengusiran PATI pada 2009," ujarnya. Sementara itu, bagi mengatasi kerugian ekoran penyelewengan diesel, SPRM kini menjalankan kajian menyeluruh bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK). "Penggunaan teknologi nanotag dalam pengurusan subsidi diesel mula dipersoalkan. Begitu juga keberkesanan sistem *fleet card e-diesel* bagi mengatasi penyelewengan dan ketirisan," katanya. Mengenai pembalakan haram, laporan itu menyebut sebanyak 10 siasatan terbuka dijalankan daripada 46 maklumat diterima SPRM membawa kepada sitaan balak berjumlah RM8.95 juta. "Antara lokasi dijalankan operasi balak adalah Felda Nitar Timur berdekatan Hutan Simpan Mersing di Johor, Hutan Simpan Hijau Lenggong di Perak, Daerah Hulu Selangor serta operasi di Kedah yang membawa kepada penahanan Pengarah dan Pegawai Perhutanan Daerah Kedah Selatan," katanya.

**28 April 2011 (Rabu)**

**Parlimen - PhD syarat layak jadi pensyarah**

Oleh FAIZAH IZZANI ZAKARIA dan MOHAMAD SHOFI MAT ISA  
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 28 April - Semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) disaran menetapkan kelulusan doktor falsafah (PhD) sebagai kelayakan asas untuk menjadi pensyarah. Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah (**gambar**) berkata, ia bagi memastikan sasaran 75 peratus pensyarah berkelulusan PhD mengajar di universiti penyelidikan dan 40 peratus di universiti lain tercapai. "Peningkatan jumlah tenaga pengajar berkualiti merupakan salah satu elemen dalam usaha memperkasakan institusi pengajian tinggi (IPT)." Oleh itu kementerian akan terus membantu IPT meningkatkan kelayakan ahli akademiknya ke peringkat PhD," katanya menjawab soalan **Senator Dr. Syed Husin Ali** pada sidang Dewan Negara hari ini.

Saifuddin berkata, Kementerian Pengajian Tinggi menggalakkan IPT menarik tenaga pengajar yang berkelayakan dan mempunyai kemahiran khusus dari luar negara. "Kementerian telah mewujudkan insentif untuk menarik pakar luar menjalankan penyelidikan di IPT dengan menyediakan pakej yang menarik melalui kontrak perkhidmatan. "IPT juga boleh menarik bakat-bakat dari industri tempatan untuk menyumbang sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa dalam aktiviti pengajaran dan penyelidikan bagi mengurangkan kos membiayai tenaga akademik luar yang kebiasaannya mengenakan bayaran tinggi," katanya.

**28 April 2011(Rabu)**

**Parlimen -Tiada kerajaan negeri setuju buka Felda baru**

KUALA LUMPUR 28 April – Felda tidak akan membuka tanah rancangan baru dalam masa terdekat kerana belum mendapat persetujuan daripada mana-mana kerajaan negeri untuk berbuat demikian. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ahmad Maslan berkata, pada 2006 kerajaan ada membuat pengumuman mengenai pembukaan tanah rancangan baru jika ada kerajaan negeri bersetuju memberikan tanah. "Baru-baru ini Sarawak ada menyatakan hasrat untuk mempelawa agensi pembangunan tanah di bawah Felda membangunkan tanah-tanah adat. "Bagaimanapun, belum ada sebarang perundingan dimulakan lagi," katanya menjawab soalan Senator Datuk Azian Osman pada sidang Dewan Negara hari ini. Ahmad berkata, pengambilan peneroka hanya dibuat sejak pembukaan tanah rancangan oleh Felda pada 1960 hingga 1989 dan selepas itu tiada lagi pengambilan berikutnya keputusan kerajaan untuk tidak lagi mengambil peneroka mulai 1 Januari 1990. Beliau memberitahu, pada masa ini seramai 112,635 peneroka ditempatkan di 317 tanah rancangan Felda di seluruh negara dengan majoriti 108,322 orang adalah Melayu, 1,097 (Cina), 1,522 (India) dan lain-lain kaum seramai 1,694 orang.

**28 April 2011(Rabu)**

**Empat juta beli insurans kesihatan swasta**

KUALA LUMPUR 28 April - Maklumat Bank Negara Malaysia (BNM) tahun lalu menunjukkan seramai empat juta orang atau kira-kira 14 peratus rakyat negara ini membeli insurans kesihatan swasta. Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata, pembelian insurans itu yang merupakan insurans kesihatan peribadi merupakan pilihan yang dibuat oleh mereka sendiri. "BNM dan Kementerian Kesihatan tidak menetapkan sebarang sasaran bagi insurans kesihatan peribadi," katanya pada sidang Dewan Negara di sini, hari ini. Beliau menjawab soalan **Senator Datuk Mustafa Kamal Mohd. Yusoff** yang ingin tahu mengenai bilangan rakyat Malaysia yang berkemampuan membeli insurans kesihatan peribadi pada 2008, 2009 dan 2010. Rosnah berkata, pelaksanaan dan pemantauan skim insurans di negara ini termasuk insurans kesihatan swasta adalah di bawah BNM iaitu mengikut Akta Insurans 1996 (Akta 553) dan Akta Takaful 1984. "BNM ialah pengawal selia industri insurans dan takaful sedia ada," katanya.

**29 April 2011(Jumaat)**

**Projek RM4.25 b Bandar Raya**

KUALA LUMPUR 29 April - Bandar Raya Development Bhd. (Bandar Raya) hari ini memeterai tiga perjanjian kerjasama berasingan untuk membangunkan Mimaland dan dua lagi kawasan lain bernilai RM4.25 bilion. Perjanjian yang melibatkan Multi-Purpose Holdings Bhd. (Multi-Purpose) bagi pembangunan di Rawang dan Mimaland, Selangor serta Pulau Pinang, dimeterai oleh tiga anak syarikat masing-masing. Tiga anak syarikat Bandar Raya ialah Mentari Sdn. Bhd. (Mentari), Orion Vibrant Sdn. Bhd. (Orion Vibrant) dan Magna Senandung Sdn. Bhd. (Magna Senandung) manakala anak syarikat Multi-Purpose pula Tibanis Sdn. Bhd. (Tibanis), Magnum.Com Sdn. Bhd. (Magnum.Com) dan Mimaland Bhd. (Mimaland). Ketua Pegawai Eksekutif Bandar Raya, Datuk Jagan Sabapathy berkata, perjanjian itu melibatkan pembangunan bagi pasaran pertengahan untuk tempoh lapan hingga 12 tahun di tanah seluas 268 hektar di ketiga-tiga kawasan terbabit. Beliau berkata:

"Pada masa ini, kami sedang menjalankan proses perancangan yang diunjur mengambil masa 12 hingga 20 bulan sebelum pembangunan dimulakan," Kerjasama ini memberikan peluang kepada Bandar Raya untuk mempelbagaikan portfolio pembangunan di Lembah Klang dan juga Pulau Pinang. "Bandar Raya terkenal dengan pembangunan Bukit Bandaraya di Bangsar dan bergerak ke hadapan kami berhasrat menyediakan gaya hidup Bangsar yang unik di Rawang, Mimaland dan Pulau Pinang," katanya selepas majlis pemeteraian perjanjian kerjasama itu di sini hari ini.

Tambah Sabapathy, perjanjian pertama adalah antara Orion Vibrant dengan Magnum.Com untuk membangunkan kondominium dan komuniti berpagar bernilai RM605 juta. "Projek di Pulau Pinang itu akan mengambil masa lapan tahun dengan pelancaran fasa pertama pada suku kedua 2013. "Manakala perjanjian kedua adalah antara Pinggir Mentari dan Tibanis bertujuan membangunkan rumah kediaman kediaman di Rawang bagi tempoh 10 tahun bernilai dengan RM1.4 bilion," jelasnya. Selain itu, perjanjian ketiga untuk memajukan semula Mimaland dengan menjuruskan kepada pembangunan mesra alam bernilai RM2.2 bilion dalam tempoh 12 tahun dengan fasa pertama dibangunkan pada sekitar suku keempat 2013. Pembangunan Mimaland, dibuat melalui perjanjian antara Magna Senandung dan Mimaland, kata Sabapathy sambil menambah, pihak juga mempunyai beberapa projek baharu yang akan dilancarkan di Lembah Klang dan Johor Bahru.

### **30 April 2011 (Sabtu)**

#### **Sikap GLC ditegur**

BUKIT MERTAJAM 30 April - Badan Perhubungan UMNO negeri menegur sikap tamak segelintir syarikat milik kerajaan (GLC) yang mampu meraih keuntungan berbilion ringgit setiap tahun tetapi bersikap dingin dalam menjalankan program membantu golongan yang memerlukan. Timbalan Pengerusinya, Datuk Musa Sheikh Fadzir berkata, lebih mendukacitakan, sudah wujud kecenderungan ketara di kalangan GLC yang hanya mengadakan program berbentuk kebajikan di kawasan yang diwakili oleh nama-nama besar dalam politik. "Kalau mereka 'sakit', GLC minta tolong kerajaan membantu dengan menggunakan duit rakyat tetapi apabila mereka membuat untung, mereka sudah lupa untuk mengembalikan sedikit keuntungan itu kepada rakyat. "Ini yang buat kita sedih kerana sebagai syarikat dimiliki kerajaan, mereka juga ada tanggungjawab sosial yang wajar dipikul bersama kerajaan untuk membantu golongan di bawah yang masih memerlukan pembelaan," katanya.

Musa yang juga Ketua UMNO Bahagian Bukit Mertajam berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam Juara Rakyat Bersama NGO, Swasta dan Media anjuran UMNO bahagian tersebut yang dirasmikan Penasihat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Datuk Seri Shahidan Kassim di sini semalam. Turut hadir Timbalan Ketua UMNO Bahagian Bukit Mertajam, Ramlan Ishak. Musa menarik perhatian tentang keperluan GLC memperluaskan lagi program kebajikan serta bantuan untuk sekolah-sekolah terutamanya di luar bandar bagi melahirkan lebih ramai golongan cerdik pandai di kawasan berkenaan pada masa depan. "Janganlah GLC hanya membantu di kawasan yang diwakili orang-orang besar dalam politik. Sepatutnya kita membantu atas rasa ikhlas, bukannya membantu untuk mencari kepentingan sendiri," ujarnya. Menurut Musa, GLC juga boleh memainkan peranan lebih aktif membina rumah-rumah mampu milik serta membaiki kediaman usang golongan miskin agar matlamat kerajaan mendekatkan jurang sosial antara masyarakat bandar dan luar bandar mampu dicapai.

**30 April 2011 (Sabtu)**

**Sistem ganti PTK bermula 1 Julai**

KUALA LUMPUR 30 April – Kerajaan dijangka melaksanakan sistem penilaian baru terhadap penjawat awam menggantikan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) berkuat kuasa Julai ini. Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Omar Osman berkata, sistem itu akan menilai tahap kompetensi golongan itu berdasarkan penguasaan pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku mereka dalam pekerjaan. “Pada 2 Mei ini, Jabatan Perkhidmatan awam (JPA) dan CUEPACS akan membuat persidangan bagi membentangkan beberapa cadangan terhadap penambahbaikan sistem penilaian baru itu,” katanya. Beliau berkata demikian selepas menghadiri Persidangan Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran sempena ulang tahun ke-50 penubuhan Kesatuan Inspektor Kesihatan Malaysia di sini hari ini. Pemansuhan PTK yang berkuatkuasa 1 Januari lalu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa membentangkan Bajet 2011 pada Oktober tahun lalu. Menurut Omar, sistem penilaian baru itu akan melihat tahap keupayaan kerja bagi tujuan kenaikan pangkat berbanding hanya bergantung kepada keputusan peperiksaan PTK sebelum ini.